

PENJELASAN KEPADA GARIS PANDUAN ASAL PERLAKSANAAN 1BESTARINET UNTUK PIHAK SEKOLAH BAGI PEMASANGAN PERALATAN PROJEK 1BESTARINET

PENGENALAN

Dokumen ini untuk penambahbaikan dan memberi penjelasan kepada dokumen garis panduan yang telah dikeluarkan kepada pihak JPN dan Sekolah pada bulan Januari 2012.

Nombor talian helpdesk 1Bestarinet adalah seperti berikut:

- a) Talian Helpdesk 1Bestarinet : **018-7998787 (bantuan teknikal)**
- b) Talian Helpdesk 1Bestarinet : **018-7998771 (jadual pelaksanaan)**
- c) Email Helpdesk 1BestariNet : moesupport@ytlcomms.my

SEBELUM PEMASANGAN

1. Klausula 2.1 - Penjelasan

Peralatan untuk capaian internet dikenali sebagai Customer Premise Equipment (CPE) dan unit ini dipanggil '**ZOOM**'.

2. Klausula 2.1.1 – Penambahan

Kerjasama dari pihak sekolah diperlukan untuk membekalkan maklumat-maklumat bagi tujuan penilaian dan keperluan sebelum membuat pemasangan. Antara maklumat-maklumat sekolah yang diperlukan adalah seperti :

- a. Maklumat prasarana sekolah
 - i. Maklumat pelan sekolah (*lay-out plan*)
 - ii. Bilangan Pelajar
 - iii. Bilangan Guru

- b. Maklumat ICT sekolah
 - i. Bilangan makmal
 - ii. Bilangan PC setiap makmal
 - iii. Maklumat servis internet sedia ada

- iv. Maklumat peralatan ICT yang lain seperti komputer pelayan (*server*), *router*, *modem*, *gateway switch*, *LAN switch* serta peralatan Wi-Fi.

Pihak kontraktor akan memberikan alamat URL untuk pihak sekolah akses dan memberi input mengenai sekolah (sebelum hari pemasangan) :

<https://edw.yes.my/Yesmon/LoginSchoolInfo.aspx>

username: kod sekolah

password: kod sekolah

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh merujuk ke nombor meja bantuan 1BestariNet: **018-7998787(Bantuan Teknikal)**

Sebelum proses pemasangan, pihak pembekal akan berbincang dengan sekolah mengenai perkara-perkara berikut:

- i. mengenal pasti lokasi dan bilangan yang dicadangkan untuk pemasangan peralatan CPE/ Zoom.
- ii. Kawasan yang dicadangkan mendapat servis ialah seperti Pejabat Pentadbiran Sekolah, Makmal Komputer, Bilik Guru dan kawasan asrama (bagi asrama di dalam kawasan sekolah)
- iii. menggunakan punca bekalan elektrik sedia ada yang khusus dan tidak dikongsi

3. Klausula 2.1.2 - Penjelasan

20 unit *4G-Dongle* akan diberikan setelah latihan VLE (*Virtual Learning Environment* – Persekitaran Pembelajaran Maya) dijalankan.

4. Klausula 3.0 - Penjelasan

Memastikan integrasi Rangkaian Dalaman Setempat atau LAN sedia ada dilaksanakan. Walau bagaimanapun bagi memastikan tujuan tersebut tercapai, pihak sekolah perlu berkongsi maklumat (seperti di atas) sebelum pemasangan dan pastikan peralatan LAN sedia ada hendaklah berfungsi dengan baik sebelum pemasangan dibuat. Jika LAN tidak berfungsi pihak sekolah perlu memaklumkan kepada pihak kontraktor. Pihak kontraktor tidak bertanggungjawab terhadap peralatan LAN yang tidak berfungsi atau/dan yang mengalami kerosakan. Bagaimanapun pihak kontraktor akan

memberikan cadangan kepada pihak Kementerian Pelajaran mengenai perkara ini.

5. Klausula 12 Penjelasan

Punca kuasa yang digunakan pada yang sedia ada dan tidak berkongsi dengan peralatan lain.

SEMASA PEMASANGAN

1. Untuk klausula 2

Pihak pembekal akan menyediakan semua dokumen iaitu Sijil Akuan Penerimaan (SAP), Sijil Pengujian Pentauliahan (SPP) dan Butiran Pengujian dan Pentauliahan (Lampiran A untuk SPP) yang berkaitan untuk disemak dan dibuat pengesahan oleh pihak sekolah ke atas kesemua uji lari dan ujian kes yang dijalankan.

2. Untuk klausula 3.6 – Penjelasan

Pemasangan peralatan/CPE di lokasi yang dicadangkan perlu dipersetujui bersama oleh pihak sekolah dan kontraktor. Lokasi yang dicadangkan haruslah selamat dan tidak memerlukan jeriji atau dikunci di dalam kotak besi kerana ini mengehendak penggunaan jika ada keperluan untuk mengubah lokasi.

Pihak sekolah hendaklah memastikan pemasangan peralatan Zoom oleh pihak kontraktor dipasang di tempat yang selamat daripada sebarang risiko (seperti risiko kecurian kerosakan/gangguan/kehilangan).

3. Untuk klausula 3.5 - Penjelasan

Memastikan pihak pembekal memberi panduan/taklimat ringkas berkenaan peralatan/CPE tersebut kepada wakil pihak sekolah supaya pihak sekolah memahami fungsi peralatan & akses internet tersebut.

Skop projek juga adalah termasuk memastikan fungsi Wifi pada Zoom dapat digunakan. Pihak sekolah haruslah mendapatkan maklumat SSID dan kata laluan (network key/pass key) Wi-Fi bagi setiap ZOOM.

4. Perisian Anti-Virus dan *Patch Management*– Penambahbaikan

Perisian anti-virus dan *patch management* adalah sebahagian dari item di dalam pelaksanaan 1BestariNet. Setelah selesai pemasangan talian internet,

pihak kontraktor akan menunjukkan bagaimana untuk memuat-turun (download) perisian antivirus ke komputer. Pihak kontraktor akan membuat demonstrasi di satu komputer untuk memberi penerangan bagaimana untuk memuat-turun perisian antivirus. Pihak sekolah perlu memastikan pihak kontraktor memberi alamat web yang berkaitan serta manual muat-turun bagi kemudahan pihak sekolah di masa hadapan.

Syarat minimum spesifikasi komputer untuk pemasangan antivirus ialah seperti berikut :

Keperluan Minima

Processor

- 32-bit processor for Windows: 1-GHz Intel Pentium III or equivalent minimum (Intel Pentium 4 or equivalent recommended)
- 64-bit processor for Windows: 2-GHz Pentium 4 with x86-64 support or equivalent minimum. Itanium processors are not supported.

Physical RAM

- 512 MB of RAM, or higher if required by the operating system

Hard drive

- Hard disk: 700 MB or more free space

Display

- 800 x 600

Operating System

- Windows XP Home or Professional (32-bit, SP2 or later; 64-bit, all SPs)
- Windows XP Embedded
- Windows Vista (32-bit, 64-bit)
- Windows 7 (32-bit, 64-bit, RTM and SP1)
- Windows Server 2003 (32-bit, 64-bit, R2, SP1 or later)
- Windows Small Business Server 2003 (32-bit)
- Windows Server 2008 (32-bit, 64-bit, R2, SP1, and SP2)
- Windows Small Business Server 2008 (64-bit)
- Windows Essential Business Server 2008 (64-bit)
- Windows Small Business Server 2011 (64-bit)

Others

- Administrative right account on Computer
- Internet Explorer 7 or 8

- ☐Internet Explorer settings enabled to download of ActiveX controls
- ☐User Account Control is disabled on Windows Vista, Windows 7

SELEPAS PEMASANGAN

1. Klausula 1 – Penjelasan

Wakil pihak sekolah perlu membuat pengujian capaian internet secara berulang kali pada semua peralatan/CPE yang telah dipasang di semua lokasi. Pihak sekolah harus mengesahkan jumlah keseluruhan dari semua ZOOM yang dipasang perlu mendapat minima 4Mbps.

2. Klausula 2 – Penjelasan

Selepas semua pemasangan disempurnakan, wakil pihak sekolah hendaklah membuat ujian mengikut butiran pengujian di Lampiran A -SPP dan membuat pengesahan di dokumen SPP, SAP dan butiran pengujian dan pentauliahkan Lampiran A -SPP dengan sewajarnya.

Wakil pihak sekolah yang dilantik untuk mengawal selia peralatan/CPE yang dibekalkan harus membuat pengesahan kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor seperti di borang yang telah disediakan.

PEMANTAUAN KESTABILAN CAPAIAN INTERNET

1. Pihak sekolah hendaklah membuat pemeriksaan dan pemantauan setiap hari di dalam tempoh maksimum 30 hari bagi melihat kestabilan capaian internet selepas pemasangan dilaksanakan oleh pihak kontraktor di sekolah.
2. Pihak sekolah boleh menghubungi pihak kontraktor untuk membuat aduan di talian meja bantuan 1BestariNet untuk sebarang gangguan talian atau capaian internet.
3. Di dalam tempoh maksimum 30 hari, pihak sekolah perlu menghubungi PPD atau JPN untuk memaklumkan capaian internet 1BestariNet berfungsi dengan baik.
4. Jika dalam tempoh 30 hari, tiada sebarang aduan atau laporan masalah, pihak KPM menganggap capaian internet di sekolah adalah stabil dan boleh dikategorikan sebagai sudah menerima perkhidmatan internet. Pihak kontraktor layak untuk membuat tuntutan pembayaran.